



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 JULAI 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Selangor Negeri Pintar 2025 | 33 |
| - Bekalan Air Di Selangor Pulih 84 Peratus | 10 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 JULAI 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Selangor Negeri Pintar 2025
Muka Surat	33

Selangor negeri pintar 2025

SH 24/7/19 ms 33

**Fokus kepada
bidang
aeroangkasa,
elektrik dan
elektronik**

NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Negeri Selangor mengikut trend terkini dunia menuju negeri pintar 2025.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, antara topik utama di bandar besar seluruh dunia kini ialah

pembangunan aeroangkasa yang sudah menjadi asas kukuh di negeri itu.

Menurutnya, Selangor sedang menggabungkan teknologi dengan inisiatif baharu termasuk bandar pintar menjelang 2025.

"Selangor telah mencapai negeri maju sejak 2005 namun belum cukup untuk bersaing di bandar besar dan kini perlu berusaha mengukuhkan sektor perindustrian serta ekonomi," katanya pada program Selangor Regional Powerhouse Forum di Hotel Hilton di sini semalam.

Amirudin berkata, kerajaan negeri memfokuskan kepada bidang aero-



AMIRUDIN

angkasa, elektrik dan elektronik, pengangkutan, makanan dan minuman yang menjadi nadi ekonomi di Selangor.

"Ini trend dunia dan pembangunan terkini di

bandar besar dunia termasuk Amsterdam, Singapura dan Jakarta," katanya.

Selain itu katanya, Selangor juga telah mempunyai asas kukuh dalam bidang aeroangkasa berbanding negeri lain kerana ada 200 syarikat yang menjadi penyumbang dalam bidang aeroangkasa dunia termasuk pemusatan Sepang, Subang dan Serendah (3S) yang menguasai 62 peratus sektor itu di Malaysia.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 24 JULAI 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bekalan Air Di Selangor Pulih 84 Peratus
Muka Surat	10

SK 24/7/19 0610

Bekalan air di Selangor pulih 84 peratus

HULU SELANGOR - Pemulihan bekalan air berdasarkan jumlah akaun berdaftar di negeri ini mencapai 84 peratus sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Gangguan bekalan berlaku sejak petang Ahad lalu ekoran henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang disebabkan pencemaran diesel.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad berkata, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), ahli kumpulan Air Selangor melakukan pemantauan di lapangan dan bacaan tekanan di sistem agihan di kawasan-kawasan yang terjejas.

Menurutnya, pemulihan bekalan di wilayah terjejas menunjukkan peningkatan dan pihaknya meningkatkan tekanan serta menstabilkan bekalan pada sistem agihan bagi mempercepatkan proses pemulihan.

"Bagi wilayah Kuala Selangor yang melibatkan 64,558 akaun pengguna



Wan Mohd Hakimi Wan Aziz, 21, mengambil air bersih yang disediakan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) berikutan masalah gangguan air yang berlaku di Selangor dan Lembah Klang ekoran pencemaran minyak diesel.

dijangka mencapai 95 peratus pulih, manakala 99 peratus di Hulu Selangor dengan 12,175 akaun menjelang 6 petang esok (hari ini).

"Sementara di Gombak akan mencapai 98 peratus pulih pada jam 6 petang Khamis ini melibatkan 155,850 akaun pengguna," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Abdul Raof berkata, wilayah Kuala Lumpur dan Klang/Shah Alam masing-masing mempunyai 117,837 dan 416,996 akaun pengguna dijangka pulih antara 78 hingga 83 peratus pada jam 6 petang Jumaat ini.

Menurutnya, pada Sabtu, bekalan dijangka pulih 85 peratus di wilayah Petaling membabitkan 414,955 akaun dan 53 peratus di Kuala Langat dengan 9,571 akaun pada jam 9 pagi.